



PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang terdiri daripada ANAK NEGERI SELANGOR yang berkelayakan dan berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).

BIL	JAWATAN	GRED	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
A	PEGAWAI TADBIR	N41	1	KONTRAK
B	PENOLONG PEGAWAI TANAH	NT29	2	KONTRAK

BUTIRAN PERMOHONAN

- Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan gambar terkini berukuran passport (tidak dikembalikan), salinan MyKad, salinan kelulusan akademik, salinan sijil berhenti sekolah dan lain-lain dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)/Pengetua/Guru besar/Penghulu sahaja;
- Pemohon-pemohon hendaklah mencatatkan jawatan yang dipohon di sebelah kiri bahagian atas sampul surat;
- Permohonan boleh dibuat dengan melengkapkan Borang PTGS/BKP-2023 yang boleh diperolehi melalui laman sesawang <http://ptg.selangor.gov.my/> dan sila kemukakan permohonan ke alamat berikut;

**PENGARAH
PEJABAT TANAH DAN GALIAN
SELANGOR TINGKAT 4, BAHAGIAN
KHIDMAT PENGURUSAN,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ
SHAH, 40576 SHAH ALAM
(u/p : Unit Perkhidmatan/Perjawatan)**

Tarikh Tutup Permohonan adalah pada 23 JUN 2023

Nota:

- Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil ke sesi temuduga;
- permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.

A. Jawatan : Pegawai Tadbir Gred N41

Klasifikasi : Pentadbiran dan Sokongan

Kumpulan : Pengurusan dan Profesional

Jabatan : Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor

Jadual Gaji :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,080.00	RM9,546.00	RM225.00

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. Warganegara Malaysia kelahiran Selangor atau ibu atau bapa dilahirkan di negeri Selangor atau telah bermastautin di negeri selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu;
 - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan.
 - i. ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
 - ii. ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43).
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kejujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
3. Mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun atau lebih serta mempunyai pengetahuan khususnya dalam bidang :-
 - Perancang bandar dan wilayah
 - Pengurusan asas undang-undang tanah
4. Mahir dalam menyediakan pembentangan secara lisan dan bertulis;
5. Mempunyai pengetahuan mengenai teknologi terkini (perisian dan aplikasi komputer seperti *autocad, mapinfo, ArcGIS, QGIS, Global Mapper, Pix4D dan lain-lain*); dan
6. Lelaki Sahaja

- B. JAWATAN** : Penolong Pegawai Tanah Gred NT29
KLASIFIKASI : Pentadbiran Dan Sokongan
KUMPULAN : Pelaksana
JABATAN : Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor
JADUAL GAJI :

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

Syarat Lantikan:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - a. Warganegara Malaysia kelahiran Selangor atau ibu atau bapa dilahirkan di negeri Selangor atau telah bermastautin di negeri Selangor selama lebih 15 tahun serta mendapat pengesahan daripada Penghulu;
 - b. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - c. Mempunyai :-
 - i. Sijil dalam bidang ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,493.00); atau
 - ii. Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,770.95); atau
 - iii. Diploma dalam bidang harta tanah atau ukur tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,846.15)
2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.